

Alam sekitar semakin rapuh

Pemusnahan dan pembinasaan alam sekitar telah dan sedang berlaku. Ambil beratkah kita atau kita hanya menunggu untuk menjadi mangsa bencana?

Oleh MELATI MOHD ARIFF

APABILA berlaku sesuatu bencana, manusia dengan mudah menuding jari kepada alam dan alam menjadi 'kambing hitam'. Jarang sekali untuk manusia menyalahkan diri sendiri dan akur bahawa musibah yang berlaku itu sebenarnya 'bencana angkara perbuatan kita sendiri'.

Kita menjadi berang apabila dilanda banjir kilat. Kemarahan kita meluap-luap apabila air paip berbau busuk.

Apabila ini berlaku, pernahkah kita melemparkan pandangan kepada sungai. Sejenak perhatikan betapa kita telah menganiayai kewujudannya sejak sekian lama. Ambil pedulikan kita kepada sampah-sarap yang tenggelam terapung, apakah kita turut sama mengotorkannya?

Apabila bukit dan tanah tinggi rakus ditarah atas nama pembangunan runtuh dan mengorbankan nyawa, masih bolehkah kita mendabik dada dan berkata ia hanya satu bencana dan terus menghukum alam?

"Alam sekitar semakin rapuh dan tahap kerapuhannya semakin teruk", begitu rumusan yang dibuat Prof Ir. Dr. Zaini Ujang, Pengarah Institut Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Air (IPASA), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor Bahru.

'Kerapuhan' yang dimaksudkan beliau merujuk kepada 'keadaan alam sekitar yang semakin tidak stabil'.

"Alam sekitar kita memang sudah tak stabil khususnya di kawasan perbandaran. Lembah Klang bila hujan sikit banjir kilat. *There is no higher degree of tolerance to disturbance, disturbance* itu apa, air hujan. Hujan pasti turun cuma sistem saliran kita tak boleh nak serap," katanya.

Menurut beliau, Jabatan Alam Sekitar (DOE) dan agensi penguatkuasaan lebih memberi tumpuan kepada apa yang masuk ke dalam alam sekitar seperti pencemaran bahan cemar, udara dan sampah.

"Tetapi saya melihat apa yang ada di luar ini rapuh dan apa yang perlu dikeluarkan daripada proses pembangunan dan masyarakat. Sebab itu strategi sekarang kalau kita nak memperbaiki, kita tak boleh lagi melihat apa yang kita keluarkan. Kita mesti lihat apa yang rapuhnya. Macam mana nak perbaiki kerapuhan yang ada.

"Sebagai contoh, katakanlah kita ada satu titi dan titi itu sudah rapuh. Pada asalnya titi itu direka bentuk untuk menampung berat satu tan, misalnya. Apabila sudah rapuh, titi tersebut tidak lagi boleh menampung berat satu tan dan ia perlu dibaiki.

"Dalam konteks pengurusan alam sekitar, kita perlu mengembalikan tahapnya supaya kerapuhan itu dapat dikurangkan dengan cara tertentu selaras dengan konsep pelestarian alam sekitar,"

bagai peringkat tertinggi dalam etika sosial.

"Bagi mereka, jika seseorang itu mesra alam, orang itu ada 'kelas'. Mereka yang tidak mesra alam dipandang rendah, tidak ada 'kelas', tak berpelajaran. Ini belum berlaku di Malaysia. Pada kita orang yang ada 'kelas' ialah orang yang ada kemewahan," tegasnya.

Menyentuh perihal lawatannya ke sebuah tadika di Denmark yang dikenali sebagai The Green Kindergarten, Dr. Zaini memberitahu, kanak-kanak seawal usia tiga tahun dilatih dan dididik supaya mesra alam.

Tidak ada peti ais di tadika itu, makanan disimpan di stor bawah tanah. Sisa makanan dikitar semula.

"Kanak-kanak selepas makan akan mengasingkan sendiri apa yang boleh mereput dan apa yang tidak. Dia tahu sisa makanan mana yang boleh dijadikan baja kompos untuk tanam sayur," katanya.

Satu lagi contoh, di pejabat Agensi Perlindungan Alam Sekitar Denmark tiada kemudahan tempat letak kereta. Mungkin ini dianggap pelik tetapi menurut Dr. Zaini, itulah komitmen mereka.

Pekerja-pekerja di agensi berkenaan percaya jika mereka berkereta ke tempat kerja, mereka tidak akan membantu alam sekitar.

Mereka beranggapan mereka perlu menjadi agensi yang menunjukkan contoh dengan menunggang basikal atau menggunakan kenderaan awam.

"Secara langsung, agensi itu bukan sahaja menjadi agensi pembuat dasar malah mempraktikkan dalam kehidupan seharian mereka.

"Satu lagi contoh ialah semasa saya melawat Royal Academy of Architecture di Denmark. Saya ingat lagi ketika itu akhir Disember, musim sejuk, kira-kira jam 3 petang, hampir Maghrib. Di dalam sebuah bilik mesyuarat diadakan, lampu masih belum dipasang sebab cermin cukup terang dan mem-



BANJIR kilat adalah tanda kerapuhan alam.

Alam sekitar kita memang sudah tidak stabil khususnya di kawasan perbandaran. Lembah Klang bila hujan sikit banjir kilat. Hujan pasti turun cuma sistem saliran kita tak boleh nak serap – DR. ZAINI

tar," jelas Dr. Zaini dalam satu temu bual baru-baru ini.

Dalam konteks alam sekitar, beliau berkata, pendekatan untuk menangani masalah alam sekitar perlu ditukar.

Ini, katanya termasuk perundangan yang dibuat semasa kepelbagaian biologi alam sekitar masih lagi berada pada tahap yang tinggi lebih 30 tahun lalu. "Kalau tidak, kerapuhan ini akan 'pecah'," jawab beliau ringkas.

Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, sewajarnya kita menjadi lebih proaktif, mengambil inisiatif sendiri untuk menjadi lebih mesra alam dalam setiap aspek kehidupan.

Begitu banyak kempen yang dibuat kerajaan sebelum ini, antaranya Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia, Kempen Enam Jahanam (antinajis da-

dah), Kempen Kitar Semula dan Kempen Tak Nak (antimerokok).

Tidak keterlaluan jika dikatakan kempen hanya tinggal sebagai kempen.

Begitu juga dengan Kempen Cintailah Sungai Kita. Masih ada sungai yang terus dicemari dengan pelbagai jenis bahan buangan terutama buangan domestik dan najis, airnya yang busuk perlu dirawat, jika boleh, untuk menampung keperluan air kita.

"Apa yang diperlukan adalah komitmen," kata Dr. Zaini yang juga Naib Presiden Persatuan Air Malaysia dan Persatuan Air Antarabangsa.

Menurut beliau, konsep mesra alam memang dikemukakan di Malaysia sejak beberapa tahun lalu tetapi berpendapat, ia lebih menjurus kepada keuntungan ekonomi dan perundangan, bukan ke-

rana pelestarian alam.

"Di kebanyakan negara yang mempunyai masyarakat yang mesra alam, mereka berbuat demikian kerana mereka tahu jika mereka tidak berbuat begitu, ada risiko bukan sahaja kepada diri mereka tetapi juga kepada generasi akan datang.


"Di negara-negara seperti Switzerland, Sweden dan Denmark, mereka tak ada halal dan haram dari perspektif keagamaan dalam hidup mereka. Halal dan haram bagi mereka sama ada mereka mesra alam atau tak mesra alam," jelas Dr. Zaini.

Mesra alam juga, tambahnya, bagi masyarakat di negara-negara berkenaan adalah satu gaya hidup.

"Seseorang komited berbasikal bukan kerana dia mahu berpeluh tetapi kerana dia mahu membantu alam sekitar, untuk mengurangkan pengeluaran karbon monoksida.

"Mereka telah sampai kepada tahap menjadikan alam sekitar itu sebagai salah satu daripada unsur penting dalam kehidupan mereka dari segi etika, cara hidup dan pemikiran. Sehingga apa yang tak berkaitan dan tak memberi kesan baik kepada alam sekitar, mereka akan tolak," tambahnya.

Menurut Dr. Zaini, di sebahagian negara tersebut, mesra alam dianggap se-



TANAH runtuh mungkin berpunca daripada kerakusan manusia sendiri dalam mengejar pembangunan.

bolehkan cahaya dari luar masuk. Itu menunjukkan mereka menggunakan tenaga dengan lebih cekap," jelas Dr. Zaini.

Beliau membuat perbandingan dengan bangunan-bangunan di Malaysia.

"Sekarang kalau tidak ada elektrik, hampir semua bangunan tidak boleh berfungsi sebab tertutup sedangkan kita ada cahaya matahari. Anehnya dalam keadaan Malaysia yang banyak cahaya matahari kita gelapkan dengan langsir dan buka lampu pada waktu siang. Kita tidak mesra alam dari segi penggunaan tenaga," tambahnya.

Tenaga, menurut beliau terhasil menerusi pelbagai aktiviti yang menje-

jakan alam sekitar. Daripada pembakaran diesel atau kuasa hidro.

Semakin banyak tenaga yang diperlukan, semakin banyak petrokimia yang diperlukan dan semakin banyak kawasan yang ditenggelami air untuk mendapatkan kuasa hidro.

"Ini semua saling kait mengait. Itu sebab banyak negara, kalau bercakap tentang mesra alam, ia juga membabitkan bangunan," kata Dr. Zaini.

Bercakap tentang tahap komitmen mesra alam di negara ini, beliau berpendapat ia masih kurang dan tidak seharusnya dipikul oleh satu-satu jabatan sahaja.

"Kalau kita sebut mesra alam di Ma-

laysia, bukan bermakna fungsi kepada Jabatan Alam Sekitar sahaja. Ia sebenarnya merangkumi semua kementerian, semua pihak sama ada dari segi penggunaan tenaga dan kenderaan," jelas beliau.

Mesra alam, katanya, lebih daripada hanya isu-isu pembuangan sampah, pencemaran air, pencemaran udara. "Ia sebenarnya mencakupi gaya hidup kita," ujarnya.

Sebagai contoh, kempen antimerokok yang menurut beliau hanya dikaitkan dengan kesihatan dan kewangan. "Sepatutnya ia dikaitkan juga dengan alam sekitar. Itu pun orang terus merokok," katanya. - Bernama